

10 APR 1999

KLCI-MINGGUAN

LEBIH POTENSI MENINGKAT BAGI NIAGA HADAPAN KLCI MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 10 April (Bernama) -- Dengan asas tersedia bagi pergerakan meningkat, harga-harga niaga hadapan Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) mungkin melepasi paras 600 minggu depan, kata para peniaga.

Pasaran seharusnya mendapat galakan daripada faktor-faktor tempatan dan asing yang lebih baik, kata mereka.

Ini adalah wajar terutamanya dengan penurunan seterusnya kadar faedah tempatan dan juga penurunan kadar di Eropah. Perkembangan-perkembangan seumpamanya adalah dijangka menggalakkan lebih banyak dana untuk mengalir ke dalam urusniaga saham dan niaga hadapan berikutan pulangan pendapatan tetap yang menurun.

Bagi minggu baru berakhit, kontrak-kontrak niaga hadapan ditutup lebih kukuh di Bursa Opsyen dan Kewangan Hadapan Kuala Lumpur (KLOFFE) dengan harga pada premium lebih 20 mata kepada indeks tunai.

Bulan April semasa melonjak 35.7 mata kepada 591.7 daripada minggu lalu, bulan berhampiran Mei naik 32.9 mata kepada 595.8 manakala suku tahunan Jun dan September ditutup pada 602.8 dan 594.7 masing-masing.

Jumlah dagangan minggu ini meningkat kepada 13,521 lot dari 8,057 lot minggu lalu manakala minat pembukaan berjumlah 3,640 kontrak berbanding 2,738 kontrak.

Mengenai pasaran tunai, Indeks Komposit asas itu berjaya melepasi dua paras halangan penting minggu ini sebelum ditutup pada 568.10.

Dalam dagangan minggu ini, kanaikan-kenaikan pasaran-pasaran hadapan dan tunai tersekat kenaikannya kerana pengambilan untung manakala jumlah dagangan adalah tipis.

Penurunan kadar tempatan telah mendorong pelabur memasuki pasaran tetapi kimbimbangan berikutnya terhadap kesihatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serba sedikit menyekat kenaikan lebih besar belian pertengahan minggu. Tetapi keyakinan kembali beransur-ansur apabila Dr Mahathir muncul di kaca TV pada hari Khamis kelihatan sihat.

KLOFFE menerima lebih banyak sokongan belian daripada institusi-institusi tempatan dan peruncit-peruncit manakala dana-dana asing "masuk dan keluar" tetapi tidak secara besar-besaran, para peniaga berkata.

-- BERNAMA

SHO SHY OS